

**SKEMA JAWAPAN PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2021 PERAK
KESUSASTERAAN MELAYU KOMUNIKATIF 2216/K1**

BAHAGIAN A [40 markah]

Jawab semua soalan Bahagian A.

1.	Dua ciri puisi tersebut	[4 markah]
(i)	Mempunyai satu rangkap	2 m
(ii)	Mempunyai empat baris serangkap	2 m
(iii)	Jumlah perkataan sebaris iaitu dua hingga lima patah perkataan sebaris	2 m
(iv)	Rima akhir abcc	2 m
(v)	Jumlah suku kata antara 5 hingga 14 sukukata	2 m
Jumlah markah		4 m

2.	Dua gaya bahasa berserta contoh.	[4 markah]
	Singkope Contoh : kau,ku, memori <u>ku</u>	1 m 1 m
	Aliterasi m Contoh : Sunyi <u>m</u> embung <u>kam</u> dalam <u>ni</u> diri	1 m 1 m
	Asonansi a Contohnya : <u>k</u> au <u>m</u> asih <u>d</u> alam <u>in</u> gatan	1 m 1 m
	Terima mana-mana jawapan yang bersesuaian	
Jumlah markah		4 m

3.	Satu persoalan	
(a)	Persoalan kejujuran dalam menjalankan amanah/ tanggungjawab	2m
(b)	Dua contoh penggunaan bahasa istana	
	i. Tuanku ii. Baginda iii. dititahkan	2m
Jumlah markah		4 m

4.	Dua teknik penceritaan berserta contoh yang terdapat dalam petikan	[4 markah]
i.	Teknik Pemerian Contoh Dan aku bersama-sama kawan-kawan di kampung memang nakal, suka menjolok sarang.	1+1
ii.	Teknik Imbas Kembali Contoh Aku masih kecil waktu itu.	1+1
Jumlah markah		4 m

5.	Dua unsur sejarah berserta contoh yang terdapat dalam petikan drama tersebut.	[4 markah]
	1. Perjanjian antara Sultan Muhammad Jiwa dengan Francis Light. Contohnya, Sultan meminta bantuan Syarikat Hindia Timur Inggeris untuk melindungi Kedah.	1+1
	2. Nama tokoh bersejarah contoh, Sultan Abdullah, Francis Light	1+1
	3. Nama Tempat contoh Pulau Pinang/Puloo Pinang dan Siam	1+1
Jumlah markah		4 m

6.	Satu sudut pandangan berserta contoh yang terdapat dalam petikan	
	Sudut pandangan orang ketiga terbatas. Contoh : <u>Mereka</u> terus meluru ke pintu, masuk ke dalam rumah lalu menuju ruang dapur.	1m
	<u>Mereka</u> dapati darah mereka berhamburan di lantai.	1m
	<u>Guru itu</u> terjelempok di suatu sudut, mungkin pengsan.	1m
Jumlah markah		4 m

7.	Satu kritikan sosial	
i.	Kritikan terhadap segelintir sikap anak muda yang mengagung-agungkan perkara asing yang dihasilkan oleh barat Contohnya keliru menilai martabat bahasa ibunda lidah anakku berbelang-belang menyusun madah bercabang-cabang	2 + 2
ii.	Kritikan terhadap anak-anak muda yang keliru tentang kepentingan bahasa ibunda berbanding bahasa asing. Contohnya, lidah anakku berbelang-belang menyusun madah bercabang-cabang ketagih karangan fantasi hebat Barat	2 + 2
iii.	Kritikan terhadap masyarakat /anak muda yang menyanjung/ menyukai gadis-gadis barat Contohnya, lidah anakku berbelang-belang menyusun madah bercabang-cabang memuja kuntuman tulip di taman seberang	2 + 2
Jumlah markah		4 m

8.	Dua unsur keagamaan berserta contoh	[4 markah]
i.	Nama tempat belajar agama Contoh : Semasa dia belajar di Pondok Pasir Tumbuh, Kelantan	1 + 1
ii.	Nama tokoh penulis Islam Contoh : Ibn al-Fakih, Mas'udi, Ibn Said	1 + 1
Jumlah markah		4 m

9.	Dua kehebatan watak Hang Tuah berserta contoh	[4 markah]
i.	Hang Tuah tangkas bermain senjata Contoh: Hang Tuah berjaya memarang dan menangkis setiap serangan pendekar Jepun malah berjaya memotong tangan telinga, hidung sehingga berjaya membunuh pendekar Jepun itu.	1 + 1
ii.	Hang Tuah pandai mengatur strategi Contoh: Maka Laksamana pun segera melompat naik ke atas balairung itu. Maka orang pun hairan melihat pantas Laksamana itu.	1 + 1
Jumlah markah		4 m

10.	Satu citra masyarakat berserta contoh yang terdapat dalam petikan	[4 markah]
	Citra masyarakat yang masih mengamalkan sikap bantu-membantu. Contoh: Di dapur, ada yang membantu guru kidal itu membakar roti dan menyediakan sup serta salad. Di penjuru luar rumah, seseorang sedang melapah kambing, lengkap dengan pisau tajam dan kapak kecil untuk memotong tulang.	2 + 2
	Jumlah markah	4 m

BAHAGIAN B [60 markah]

Jawab **tiga** soalan daripada mana-mana soalan.

11.		
(a)	Dua nilai berserta contoh yang terdapat dalam seloka.	[6 markah]
i.	Kegigihan Setiap orang perlu gigih berusaha untuk mencapai kejayaan, hindarkan sikap suka meminta-minta tanpa berusaha. Contoh Banyak orang berangan-angan tinggi, Ingin mencapai itu dan ini, Tetapi tak mahu bersusah diri, Untuk menyampaikan cita-cita pujaan hati, Mereka suka minta tolong, minta beri.	1+ 2
ii.	Berdikari Berdikari amat penting dalam kehidupan di samping berdoa. Tindakan menyusahkan orang tua wajar dielakkan. Contoh Memohon pertolongan di sana situ, Atau berdoa sebilang waktu, Atau menyusahi ayah dan ibu - jadi kutu,	1+ 2
iii.	Kesabaran/ketabahan Bersabar dalam menempuh segala halangan dalam kehidupan. Contoh <u>Sendirilah, selam lautan dalam!</u> <u>Sendiri rempuh belukar tebal yang kelam!</u> Malulah kalau hanya tahu menyusah,	1+ 2
iv.	Harga diri Untuk meningkatkan martabat diri, seseorang perlu berikhtiar	1+ 2

	<p>untuk menjadikan diri lebih bernilai. Contoh</p> <p>Akan matilah kemerdekaan hatinya, Akan tipislah semangat perjuangannya, Akan rendahlah pandangan orang kepadanya, Akan hilanglah harga dirinya, Akan jatuhlah darjat manusianya!</p>	
	Jumlah markah	6m
(b)	Berdasarkan puisi A dan B , dua persamaan yang terdapat dalam puisi tersebut	[6 markah]
i.	<p>Dari segi jenis/genre puisi Contoh Kedua-duanya merupakan puisi tradisional.</p>	1+2
ii.	<p>Dari segi gaya bahasa anafora Contoh <u>Akan</u> matilah kemerdekaan hatinya, <u>Akan</u> tipislah semangat perjuangannya, [Seloka Tak berikhtian Sendiri]</p> <p><u>Banyak</u> udang banyak garam, <u>Banyak</u> orang banyak ragam. [Pantun Resam Hidup Manusia]</p>	1+2
iii.	<p>Dari segi rima akhir Contoh Rima akhir berbentuk terikat aaaaa [Seloka Tak berikhtian Sendiri] aa aa [Pantun Resam Hidup Manusia]</p>	1+2
iv.	<p>Dari segi gaya bahasa responsif Contoh Akan matil<u>ah</u> kemerdekaan hatinya, Akan tipis<u>lah</u> semangat perjuangannya, Akan rendah<u>lah</u> pandangan orang kepadanya, Akan hilang<u>lah</u> harga dirinya, Akan jatuh<u>lah</u> darjat manusianya! [Pengulangan partikel –lah]</p> <p>Banyak udang <u>banyak</u> garam, Banyak orang <u>banyak</u> ragam. [Pengulangan kata 'banyak']</p> <p>Lain dulang <u>lain</u> kakinya, Lain orang <u>lain</u> hatinya. [Pengulangan kata 'lalu'] [Fakta + huraian + contoh]</p>	1+2

	Jumlah markah	6m
(c)	Cipta satu seloka yang bertemakan kepentingan beriadah. Panjang seloka anda hendaklah antara 12 hingga 15 baris .	[8 markah]
	i. Tema ii. Bentuk iii. Bahasa iv. Kreativiti	2 markah 2 markah 2 markah 2 markah
	Jumlah markah	8 m

12.		
(a)	Dua latar masyarakat	
i.	Masyarakat golongan bangsawan/ raja-raja/ pembesar/ istana Contoh Raja Melaka/ Raja Siam/ Raja Phra Cau/ Bendahara/ Maharaja Setia/ Oya Bagelang/ Oban/ Okun/ Aprak/ Amum- amum	1+2
ii.	Masyarakat pendekar/ pahlawan Contoh Laksamana Hang Tuah, pendekar Jepun	1+2
iii.	Masyarakat Siam Contoh Rakyat jelata negeri Siam telah dibelanja makan gendaga oleh Raja Phra Cau	1+2
	Jumlah markah	6 markah
(b)	Dua pengajaran	
i.	Kita hendaklah berani menghadapi ancaman musuh walau di mana kita berada. Contoh ketika Laksamana Hang Tuah berada di Siam, beliau telah berjaya membunuh pendekar Jepun iaitu Cin Cu/ Laksamana juga telah berjaya mengalahkan tujuh lagi pendedekar dari Jepun dan Kemboja.	2+2
ii.	Kita hendaklah sentiasa menunjukkan sikap taat setia yang tidak berbelah bahagi terhadap raja. Contoh Laksamana Hang Tuah akur akan perintah Raja Melaka untuk pergi ke Benua Siam bagi memenuhi hasrat raja yang ingin membeli gajah.	2 + 2

iii.	Kita hendaklah mengekalkan adat tradisi bangsa walaupun ketika berada di negeri orang. Contoh Laksamana tegas dengan identiti/adat tradisi bangsa ketika upacara mengadap Raja Siam.	2 + 2
iv.	Kita hendaklah bijak memperkatakan sesuatu agar dapat meyakinkan orang lain. Contoh Laksamana telah berjaya meyakinkan Oya Bagelang dan Raja Siam ketika upacara mengadap Raja Melaka dengan tidak merangkak.	2 + 2
v.	Kita hendaklah amanah ketika menjalankan tugas yang diberikan. Contoh Laksamana dengan amanah telah menyimpan dan membawa bingkisan Raja Melaka untuk disampaikan kepada Raja Siam.	2 + 2
	Jumlah markah	8 markah
(c)	Dua keperibadian unggul watak Laksamana Hang Tuah	
i.	Seorang yang bijaksana Contoh: Laksamana bijak dalam mengatur strategi ketika berlawan/ menghadap Raja Phra Cau yang disuruh merangkak	1 + 2
ii.	Seorang yang fasih bertutur dalam pelbagai bahasa Contoh: Laksamana fasih berbahasa Siam ketika bertutur dengan Raja Siam.	1 + 2
iii.	Seorang yang tangkas bermain senjata Contoh: Laksamana berjaya mengalahkan pendekar Jepun ketika berlawan senjata/ berjaya membunuh lima orang pendekar Jepun	1 + 2
iv.	Seorang yang menurut/taat perintah Contoh: Laksamana memikul amanah Raja Melaka untuk membeli gajah di Benua Siam.	1 + 2
v.	Seorang yang boleh dipercayai/amanah/jujur Contoh: menyimpan bingkisan/utusan raja di tempat yang mulia ketika belayar ke Benua Siam	1 + 2
vi.	Seorang yang mencintai/menyanjung tinggi budaya bangsa Contoh: Ketika Laksamana menghadap Raja Phra Cau, ia berjalan dan berkeris seperti adat menghadap Raja Melaka/	1 + 2

	enggan merangkak seperti yang diarahkan oleh Oya Bagelang.	
	Jumlah markah	6 markah

13.		
(a)	Dua nilai murni berserta contoh yang terdapat dalam cerpen tersebut.	(4 markah)
i.	Keprihatinan/Simpati Contoh; Keperihatinan watak peguam yang sangat prihatin terhadap pengguna KTN lain yang kandas untuk meneruskan perjalanan	1+1
ii.	Kesabaran Contoh; Sikap sabar peguam yang melayani soalan-soalan yang dikemukakan oleh para wartawan.	1+1
iii.	Keberanian Contoh; Peguam yang mempunyai sebuah syarikat guaman yang kecil tidak takut untuk menyaman sebuah syarikat gergasi iaitu KTN demi mendapatkan keadilan	1+1
iv.	Keadilan Contoh; Peguam mengambil tindakan terhadap syarikat KTN kerana telah menyebabkan kerugian dari segi masa perjalanan dan urusan peguam yang mengalami kerugian projek.	1+1
	Jumlah markah	4m
(b)	Dua citra masyarakat yang dipaparkan oleh pengarang dalam cerpen ini.	[8 markah]
i.	Masyarakat pengamal undang-undang yang mempertahankan hak masing-masing Contoh: Pada hari pendengaran di dalam kamar, peguam itu dan tiga orang peguam KTN berada di foyer mahkamah sambil berbalas senyuman	2 + 2
ii.	Masyarakat yang cakna akan sesuatu isu yang berlaku . Contoh Seorang suri rumah yang sedang membaca alQuran segera berhenti membaca dan menguatkan suara televisyen./ Sekumpulan remaja yang sedang menikmati makan malam di restoran mamak beramai-ramai mendengar berita dari skrin besar./Seorang tukang gunting rambut menonton sambil mengunting rambut pelanggan	2 + 2

iii.	Masyarakat golongan wartawan yang bijak mengumpul berita. Contoh wartawan menelefon peguam untuk mendapatkan pandangan berkaitan isu yang sedang diperdebatkan. Para wartawan berlumba-lumba mendapatkan dan menyiarkan berita berkaitan./ Seorang lelaki berusia awal tiga puluhan sedang dikerumuni wartawan utk ditemu ramah di foyer bangunan mshkamah.	2 + 2
iv.	Masyarakat yang berpelajaran tinggi dan terdiri daripada golongan profesional dalam bidang masing-masing Contoh Professor Ray , hakim dan peguam masing-masing bertanggungjawab dalam melaksanakan tanggungjawab mereka mengendalikan kes tersebut	2 + 2
Jumlah markah		8 m
(c)	Tulis sebuah cerpen bertemakan pengorbanan dalam keluarga . Panjang cerpen hendaklah antara 80 hingga 100 patah perkataan.	[8 markah]
	i. Tema ii. Bentuk iii. Bahasa iv. Kreativiti <i>Nota</i> 1. Calon mencipta cerpen antara 80 patah perkataan hingga 100 perkataan maksima markah 4 2. Calon tidak menulis tajuk cerpen tolak 1 markah kreativiti 3. Pantun tidak menepati tema 0 markah tema <i>Nota: Ciplak 1 baris tolak kreativiti 1 markah</i>	2 markah 2 markah 2 markah 2 markah
Jumlah markah		8 m

14.		
(a)	Dua gaya bahasa pengulangan yang terdapat dalam sajak .	[4 markah]
i.	Anafora Contoh <u>virus</u> kebiadaban kian merebak <u>virus</u> hedonisme kian menjangkiti	1 + 1
ii.	Responsif Contoh virus kebiadaban <u>kian</u> merebak	1 + 1

	virus hedonisme kian menjangkiti hibur sumbang dari pentas kayangan libur songsang dari halaman maya	
iii.	Repitisi kata Contoh Virus (Pilih mana-mana dua jawapan)	1 + 1
	Jumlah markah	4 m
(b)	Dua isu masyarakat yang terdapat dalam sajak	[4 markah]
i.	Isu pertentangan budaya. Contoh : virus kebiadaban kian merebak virus hedonisme kian menjangkiti membentuk segumpal sampah di almari peribadi	2 + 2
ii.	Isu masalah hiburan/sosial yang melalaikan dalam kalangan anak muda. Contoh: Virus-virus ini diutus dari langit global percikan sampah dari jendela siaran hibur sumbang dari pentas kayangan libur songsang dari halaman maya	2 + 2
iii.	Isu kematangan/ kewarasan dalam fikiran anak bangsa Contoh: rapuhnya pertimbangan akal anak-anak bangsa susila dan budaya tidak lagi bernyawa pabila virus mazmumah terpercik mendiami jiwa (Pilih mana-mana dua jawapan)	2 + 2
	Jumlah markah	8m
(c)	Cipta sebuah sajak yang bertemakan persahabatan . Sajak tersebut hendaklah antara 12 hingga 15 baris .	[8 markah]
	i. Tema	2 markah
	ii. Bentuk	2 markah
	iii. Bahasa	2 markah
	iv. Kreativiti	2 markah
	Jumlah markah	8 m

15.		
(a)	Tiga nilai bertanggungjawab yang terdapat dalam drama	[12 markah]
i.	Tanggungjawab kepada ibu Contoh Zaki amat bertanggungjawab menjaga ibunya yang lumpuh dan matanya hampir buta. Hal ini disalahanggap oleh Anna yang menganggap Zaki melebihi ibunya berbanding dirinya.	2 + 2
ii.	Tanggungjawab sesama insan/rakan Contoh Dr Chan walaupun berbangsa asing sanggup membantu membuat rawatan mata ibu Zaki. Dr Chan juga turut menasihati Anna tentang tanggungjawabnya kepada keluarga terutama anaknya Tina.	2 + 2
iii.	Tanggungjawab kepada isteri/keluarga Contoh Zaki sanggup merayu Anna agar kembali ke pangkuannya kerana Zaki amat sayang dan bertanggungjawab menjaga kebahagiaan keluarganya.	2 + 2
iv.	Tanggungjawab kepada negara Contoh Zaki sanggup balik ke tanah air setelah tamat belajar di luar negara semat-mata ingin berkhidmat kepada tanahir tercinta	2 + 2
	Jumlah markah	12 m
(b)	Empat latar tempat berserta contoh	
i.	Latar tempat di Lapangan terbang Contoh Anna berasa gelisah melihat jam dan waktu penerbangan ketika beliau berada di bilik menunggu. Ketika itulah, Anna teringat kembali kisah pertemuannya dengan Zaki.	1 + 1
ii.	Latar tempat di Universiti Cambridge Contoh Zaki dan Anna merupakan siswa universiti Cambridge. Anna tidak meneruskan pengajiannya kerana mengikut Zaki ke Malayasia. Disini juga merupakan tempat mereka berkenalan	1 + 1
iii.	Latar tempat di London Contoh tempat tinggal Thomas Carpenter iaitu bapa Anna. Anna juga ingin pulang ke London membawa hatinya.	1 + 1
iv.	Latar tempat di Trafalgar Square Contoh	1 + 1

	Zaki mengingatkan Anna tempat yang menjadi kenangan cinta mereka.	
	Jumlah markah	8 m

16.		
(a)	Dua perwatakan “lelaki tua”	[4 markah]
i.	Lelaki tua merupakan seorang bekas angkatan tentera berpangkat tinggi Contoh Seorang lelaki tua, <u>bekas komandan itu</u> , terbaring dan mengerang-erang di atas ranjang. Isterinya yang tua dan lumpuh itu duduk tepok atas lantai simen di sisi ranjang.	1 + 1
ii.	Lelaki tua seorang yang sedang mengalami kesakitan. Contoh Seorang lelaki tua, bekas komandan itu, <u>terbaring dan mengerang-erang di atas ranjang.</u> Isterinya yang tua dan lumpuh itu duduk tepok atas lantai simen di sisi ranjang	1 + 1
	Jumlah markah	4 m
(b)	Satu kritikan sosial yang terdapat dalam novel <i>Naratif Ogonshoto</i> .	[4 markah]
i.	Keruntuhan Moral dalam Penggunaan Kekuasaan Manusia sanggup melakukan apa-apa sahaja demi kepentingan diri sendiri. Contoh Dalam bab “Mainan”. Presiden sanggup menembak anak angkatnya. Tentera Presiden pula memotong lidah dan kedua-dua pergelangan tangan anak angkat Presiden. Dalam bab “Jeneral”. Konflik berlaku di Ture, iaitu antara jeneral dan pegawai kanan apabila kedua mereka ingin menjadi pemimpin. Kemuncaknya jeneral telah membunuh pegawai kanan. Kes pembunuhan terbongkar kerana pengintipan dilakukan oleh Presiden Ogonshoto sendiri.	2 + 2
ii.	Kepercayaan Terhadap Semangat Spritual Dalam novel <i>Naratif Ogonshoto</i> karya Anwar Ridhwan dapat dikesan masyarakat yang masih lagi mengekalkan budaya lama seperti acara memuja ‘semangat rumah’. Contoh Pada hari dia mula-mula menduduki rumah kecilnya di Ture, dalam acara memuja ‘semangat rumah’, dia turut mengundang beberapa orang kacukan Jepun Futu-Ata, wartawan akhbar dan televisyen, selain beberapa penduduk di Ture yang dipilihnya.	2 + 2

iii.	<p>Pembangunan yang Mengorbankan Alam Sekitar Pembangunan akan dilaksanakan jika memberi keuntungan kepada negara tanpa mengambil kira implikasi daripada pembangunan tersebut. Contoh Dalam bab “jari”. Pembinaan padang golf bertaraf antarabangsa dijangka memberi keuntungan kepada negara. Projek ini diluluskan oleh presiden walaupun memberi kesan kepada kawasan tadahan hujan.</p>	2 + 2
iv.	<p>Kebebasan Media dalam Kalangan Masyarakat Dihadkan Pihak pemerintah masih mengawal kebebasan media. Hukuman dikenakan kepada sesiapa sahaja yang berani mencabar kepimpinan sebuah negara. Contoh Dalam bab “Jari”. Bukan sahaja guru itu terpaksa bertukar tempat kerja malah saudara-saudaranya juga. Ada yang ditukarkan tempat kerja dan ada juga yang diturunkan jawatan. Hal ini berlaku kerana guru itu menghantar kepada akhbar makalah kritikan kepada pemerintah.</p>	2 + 2
v.	<p>Kepimpinan Tidak Mendekati Jiwa Rakyat Dalam novel <i>Naratif Ogonshoto</i> dapat dikesan ciri-ciri pemimpin yang tidak mendekati jiwa rakyat. Hal ini dapat dilihat melalui pengakuan Presiden sendiri Contoh <i>Di lapangan terbang, Presiden dari Afrika itu sebelum berlepas pulang sempat berkata, “Saya kagum bahawa Bapak Presiden amat dihormati oleh anggota Dewan Kepresidenan dan rakyat Ogonshoto.” Menentang mata rakan sejawatannya, Presiden membalas dengan ungkapan yang pernah dilontarkan Caligula. “Mereka tidak menghormati saya. Mereka takut kepada saya.”</i></p>	2 + 2
vi.	<p>Kemiskinan Mengakibatkan Keciciran Kemiskinan merupakan salah satu faktor kanak-kanak di Ogonshoto tidak berpendidikan tinggi. Contoh <i>“... Akan rugilah Ogonshoto kelak apabila anak kecil Malagana yang pintar itu terbiar tanpa pendidikan tinggi”. “Di dunia ketiga yang tradisional lagi miskin, menurut catatan biografi itu, ibu tidak mahu berpisah dengan anak yang kelak boleh menolongnya secara fizikal ketika usia tua; biarpun si anak tidak bersekolah dan bodoh”.</i></p> <p>[Fakta + Huraian/Contoh]</p>	2 + 2
	Jumlah markah	4 m
(c)	Kompleks kediamanku ini terletak di sudut sebuah taman yang luas. Apabila seseorang datang berkunjung ke sini, hairanlah	[12 markah]

	<p><i>mereka kerana suasana persekitaran kompleks itu amat sunyi sepanjang masa, sedangkan di luar taman itu kota Tokyo terus hiruk-pikuk dengan suara penghuninya, kereta api dan kenderaan bertali arus.</i></p> <p>Berdasarkan petikan novel di atas, sambung petikan ini menjadi bahagian peleraian plot cerita dengan penggunaan beberapa teknik plot. Panjang cerita anda haruslah antara 80 hingga 100 patah perkataan.</p> <p>i. Tema</p> <p>ii. Bentuk</p> <p>iii. Bahasa</p> <p>iv. Kreativiti</p>	<p>3 markah</p> <p>3 markah</p> <p>3 markah</p> <p>3 markah</p>
	Jumlah markah	12 m